

## FENOMENA PERUBAHAN IKLIM: TANDA KIAMAT SUDAH DEKAT?

Pada 26 Februari 2016 telah berlangsungnya ceramah yang bertajuk “*Fenomena Perubahan Iklim: Tanda Kiamat Sudah Dekat?*” yang dikendalikan oleh PIMPIN dengan kerjasama pihak Perpustakaan UMP.

Hampir 150 orang peserta telah menghadiri ceramah ini yang diadakan di Sudut Bicara Ilmu, Aras 3 Perpustakaan UMP Pekan.

Perubahan iklim yang berlaku di Malaysia ini seringkali menimbulkan tanda tanya adakah ianya akibat pemanasan global atau sebaliknya.

Justeru, Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd Hisyam telah dijemput bagi mengulas persoalan tentang perubahan iklim ini dari

*Disediakan oleh: 'Arifah Nadiah Che Zainol Ariff*



*Dari kiri: Ustaz Ahmad Irfan, Dr. Mohd Hisyam dan moderator*

Menurut Dr. Mohd Hisyam, tindakan rakus manusia dalam aktiviti pembalakkan bagi membina bangunan dan perumahan merupakan faktor utama perubahan iklim yang sedang berlaku di Malaysia manakala Ustaz Ahmad Irfan pula tidak menafikan perubahan iklim ini juga merupakan peringatan Allah SWT kepada umatnya di muka



*Taklimat pembukaan oleh Unit Pengurusan Ilmu*



*Sesi penerangan daripada Puan Faizatul Nadia*

## KEPERLUAN KEMAS KINI FAIL PERIBADI

Tahukah anda pentingnya seseorang staf mengemas kini akaun peribadi? Puan Faizatul Nadia berkongsi pengalaman beliau berkenaan isu ini.

Akaun peribadi di Unit Pentadbiran Perpustakaan boleh dijadikan sebagai rekod sandaran jika berlaku apa-apa perkara yang tidak diingini seperti banjir kebakaran dan lain-lain.

Walaupun Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UMP mengendalikan sistem pengurusan rekod peribadi dalam aplikasi *Human Resource Management Information System* (HRMIS), salinan dokumen persendirian amat penting bagi staf untuk menyimpannya di Unit Pentadbiran Perpustakaan.

Beliau turut menyenaraikan dokumen yang perlu dihantar ke Unit Pentadbiran. Antaranya adalah maklumat peribadi, maklumat keluarga, maklumat pengalaman kerja, salinan sijil-sijil akademik atau kursus.